

28 SEP 2001

Mahathir-Peperangan

MALAYSIA TIDAK SETUJU AFGHANISTAN DISERANG

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia menyokong tindakan Amerika Syarikat untuk memburu pengganas tetapi tidak bersetuju jika serangan dibuat ke atas Afghanistan atau mana-mana negara dalam usaha mengatasi keganasan.

Perdana Menteri berkata Malaysia berpendapat peperangan bukan cara penyelesaian kepada masalah keganasan kerana ia akan turut membabitkan orang awam yang tidak bersalah.

"Kita tak ingin terlibat dengan sebarang peperangan terhadap mana-mana negara.

"Kita terpaksa membantah kalau ada peperangan sedemikian kerana kita tak nampak itu adalah satu cara penyelesaian," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulangi gesaan Malaysia supaya diadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan untuk mencari punca kepada masalah itu dan mengambil langkah-langkah bagi menyelesaikannya.

Katanya adalah penting untuk mengetahui sebab-sebab kemarahan pengganas bagi mengurangkan kemarahan mereka dan seterusnya mengatasi masalah yang menyebabkan pengganas berperasaan sedemikian.

Perdana Menteri yang menyentuh serangan pengganas terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas, berkata tindakan berani pengganas, yang sanggup membunuh diri dengan cara yang mengerikan iaitu membawa pesawat dan merempuh bangunan supaya roboh, tentunya didorong oleh perasaan marah yang amat sangat.

"Kalau tidak, mereka tidak akan melakukan perkara ini dan kita harus tahu kenapa mereka marah sangat," katanya.

Dr Mahathir berkata pendirian Malaysia itu akan disampaikan kepada semua dutanya di luar negara supaya tiada percanggahan mengenai pendirian Malaysia berkenaan perkara itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak ada hubungan dengan regim Taliban dan wakil Afganistan di Malaysia adalah daripada Pakatan Utara.

Malaysia juga, katanya, mempunyai bukti bahawa ada rakyat negara ini yang telah menyertai Taliban dan kembali ke tanah air dengan hasrat untuk bertindak ganas bagi menjatuhkan kerajaan secara kekerasan kerana kononnya mahu mendirikan negara Islam.

"Jadi oleh kerana itu, kita juga tidak senang hati dengan Taliban dan juga dengan Osama bin Laden," katanya.

Beliau berkata jika Afghanistan diserang dalam usaha mengatasi kegiatan pengganas, ramai rakyatnya yang tidak bersalah akan menjadi mangsa.

"Walaupun Afghanistan diperintah oleh Taliban, mungkin ramai rakyat Afghanistan bukan menyokong Taliban tetapi mereka tinggal di negara itu dan terpaksa mengikut cara-cara yang ditentukan oleh pihak Taliban," katanya.

Menyentuh tentang persidangan antarabangsa mengenai keganasan yang dicadangkan Malaysia, beliau berharap ia dapat dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan melibatkan semua negara di seluruh dunia.

Bagaimanapun, katanya, memandang proses itu akan mengambil masa yang panjang, jika dapat satu persidangan yang terhad kepada beberapa negara barat dan Islam diadakan terlebih dahulu kerana ia adalah amat penting.

Dr Mahathir berpendapat keganasan akan berterusan walaupun Afghanistan ditawan dan jatuh ke tangan barat.

Pengganas, katanya, bukan semuanya rakyat Afghanistan, Iraq atau

Palestin kerana setakat ini daripada maklumat yang diperolehi, ada juga orang-orang yang berasal daripada Arab Saudi dan Mesir.

"Jadi nak menyalahkan Kerajaan Afghanistan pun tak kena, nak menyalahkan Kerajaan Arab Saudi pun tak kena kerana mereka ini (pengganas) berada di mana sahaja, kemungkinan mereka berada di Amerika Syarikat agak lama untuk membuat persiapan dan perancangan mereka untuk membuat serangan ini.

"Kalau dikalahkan atau Afghanistan ditakluk oleh kuasa-kuasa barat, ini tidak menjamin keganasan akan berhenti, mungkin pengganas-pengganas ini akan datang daripada tempat-tempat lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah mendapat surat balasan daripada Perdana Menteri Britain, Tony Blair mengenai cadangannya supaya satu pasukan pemerhati dihantar ke Palestin untuk memisahkan puak Israel daripada puak Palestin.

Bagaimanapun, katanya, Blair tidak menjawab mengenai cadangannya itu kerana beliau (Blair) akan menjawabnya kemudian, tetapi sebaliknya menimbulkan perkara lain berhubung dengan Myanmar.

Dr Mahathir berkata beliau akan menjawab surat Blair itu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru pulang dari lawatan ke Arab Saudi berkata, Kerajaan Arab Saudi telah menyatakan sokongan terhadap persidangan mengenai keganasan anjuran PBB selain menegaskan bahawa mereka (Arab Saudi) juga menentang semua bentuk keganasan.

Pendirian Malaysia terhadap serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington serta reaksi Amerika Syarikat untuk bertindak balas, telah dibincangkan pada mesyuarat MT hari ini.

-- BERNAMA

AFY RZS KHY MOZ